

Skuad wanita UMS FC sasar pencapaian lebih baik

DE 27.07.2010 //

KEJOHANAN Liga Bola Sepak Wanita Terbuka Piala Datin Rosmah berakhiri dengan kemenangan bagi Pasukan ZION FC apabila menewaskan UMS FC 2-1 pada perlawanan akhir yang berlangsung baru-baru ini. Kemenangan itu sekaligus membolehkan ZION FC menerima RM5,000 manakala UMS FC selaku naib juara memperoleh RM2,000.

Ketua pasukan UMS FC, Freddiana Kamilis berkata, pasukan mereka mempamerkan aksi terbaik namun terpaksa berpuas hati dengan pencapaian tersebut. Tambahnya, pasukan mereka tidak akan berputus asa dan akan menyertai pelbagai kejohanan pada masa akan datang.

"Harapan saya agar pemain-pemain yang sedia



Pasukan UMS FC bergambar bersama piala yang dimenangi.

ada akan terus memberikan komitmen tinggi dalam latihan di samping usaha untuk mencari bakat-bakat baru di kalangan pelajar wanita melalui kejohanan di dalam Universiti," katanya.

Tambah beliau, pemain-pemain baharu yang telah didedahkan melalui pertandingan tersebut pastinya akan lebih bersedia pada pertandingan akan datang. Katanya, faktor-faktor tersebut boleh menguatkan lagi

semangat pasukan pada kejohanan lain kelak.

Pada perlawanan itu, Dayang Manggie, pemain UMS FC yang juga merupakan pelajar Sains Sukan dipilih sebagai pemain terbaik.